

TRX City jalin kerjasama dengan MRT Corp, Smart

TRX City Sdn Bhd (TRX City), pemaju induk daerah kewangan antarabangsa, Tun Razak Exchange (TRX) memeterai perkongsian strategik dengan pemain infrastruktur pengangkutan utama Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp).

Perjanjian itu membolehkan MRT Corp sebagai pemaju dan pemilik aset sistem Transit Aliran Massa (MRT) Lembah Klang, hak untuk membangunkan stesen bawah tanah dan terowong kereta api di TRX dan pada masa sama, TRX City mengekalkan hak untuk pembangunan masa depan di kawasan tersebut.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Azmar Talib berkata, syarikat itu sentiasa mencari jalan inovatif untuk meningkatkan kedudukan TRX sebagai yang terbaik di Kuala Lumpur.

"Kedua-dua projek MRT dan TRX merupakan projek penting nasional dan kami percaya, semua pihak boleh mendapat manfaat daripada perjanjian ini selain transaksi penjualan tanah.

"Perjanjian bersama kami membolehkan MRT dibawa ke dalam TRX, tanpa pembelian plot di situ. Namun, pada masa sama, kami masih mempunyai hak untuk membangunkan lokasi yang sangat stra-



Azmar (dua, kiri) dan Shahril (dua, kanan) merakam kenangan selepas menandatangani perkongsian strategik.

tegik dan memanfaatkan prospek masa depan yang dijangkakan," katanya dalam satu kenyataan.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Seri Shahril Mokhtar berkata, kerjasama itu membolehkan TRX menerima sistem transit massa paling moden.

"TRX akan dapat manfaat daripada dua laluan MRT. Sambungan dan akses yang sangat baik diperoleh

pembangunan ini akan meningkatkan peranan TRX sebagai daerah kewangan bertaraf dunia," katanya.

Dalam pada itu, TRX City turut memeterai perkongsian strategik dengan Stormwater Management and Road Tunnel Sdn Bhd (Smart), melibatkan pertukaran tanah dan penempatan semula depot penyelenggaraan Smart ke lokasi baharu dalam TRX.